



**NEGERI SABAH**

[JPAN: 700-3/2/( 30 )]

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 9/2016**

**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2016**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri bagi tahun 2016.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memutuskan supaya BKK sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di atas keprihatinan Kerajaan serta menghargai khidmat bakti penjawat awam.
3. Kerajaan juga bersetuju memanjangkan pemberian BKK sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

## **PELAKSANAAN**

4. BKK diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang masih berkhidmat pada 8 Jun 2016, tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.

5. Bagi pegawai lantikan kontrak dan Pekerja Sambilan Harian (PSH), tempoh 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016 adalah bermaksud boleh meliputi lebih dari satu kontrak yang bersambungan tanpa terputus.

## **PEGAWAI YANG LAYAK**

6. Tertakluk kepada perenggan 4 di atas, Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang layak dibayar BKK adalah seperti berikut:

- 6.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan kontrak
- 6.2 pegawai yang bercuti separuh gaji dan
- 6.3 pegawai yang bercuti tanpa gaji/dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;

## **PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

7. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak layak dibayar BKK adalah seperti berikut:

- 7.1 pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;
- 7.2 pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;
- 7.3 pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau syarikat swasta bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016
- 7.4 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016; dan
- 7.5 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.

## **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

8. BKK sebanyak RM500.00 juga dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 8 Jun 2016 tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.

## **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN PEMBERIAN BKK**

9. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan pada atau sebelum 8 Jun 2016 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK. Pegawai hanya layak dibayar BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

## **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

10. Pembayaran BKK ini adalah menjadi tanggungan Jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

## **PESARA**

11. BKK kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang telah bersara pada atau sebelum 8 Jun 2016 dan menerima pencen akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM250.00.

12. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

13. Pesara yang dilantik semula dalam Perkhidmatan Awam Negeri layak dibayar BKK pada kadar RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

#### **TARIKH PEMBAYARAN**

14. BKK sebanyak RM500.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri akan dibayar bersekali dengan pembayaran gaji bulan Jun 2016.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

15. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

#### **PEMAKAIAN**

16. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN )**  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : **14 JUN 2016**

s.k Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan  
Wisma Kewangan  
**88593 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
**88595 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit  
Jabatan Audit  
**88990 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah